

UPM utamakan mutu PPL

Oleh Mohd Azrone Sarabatin

PUSAT Pendidikan Luar (PPL), Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa mengutamakan aspek kualiti dan mahu memastikan graduan dilahirkan mempunyai kualiti yang sama dengan pelajar sepenuh masa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berkenaan.

Pengarahnya, Prof Dr Abdul Aziz Saharee berkata, pusat itu mengutamakan kualiti dalam semua aspek termasuk pengambilan pelajar, tenaga pengajar serta kemudahan pengajaran dan pembelajaran di semua 29 pusat pembelajaran seluruh negara.

Katanya, Senat UPM sentiasa memantau kualiti PPL dalam semua aspek dan berpuas hati dengan kualiti diamal-

kan serta pada masa sama mahukan aspek itu dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi kecemerlangan pusat itu dan manfaat graduan dilahirkan.

Beliau berkata, bagi memastikan kualiti pelajar, tenaga pengajar dan pusat pembelajaran sentiasa dapat dipertahankan dan dipertingkatkan pusat terbabit melantik Timbalan Pengarah PPL, Prof Madya Dr Zulkornain Yusop untuk memantau aspek berkenaan.

"Kualiti graduan pengajian jarak jauh (PJJ) kami sama dengan pelajar sepenuh masa cuma yang membezakan kaedah pengajian kerana pelajar PJJ belajar di luar kampus dan hanya mengikuti sesi tutorial di pusat pembelajaran manakala pelajar sepenuh masa melalui kaedah bersemuka," katanya.